

10/02/1998

Majikan pilih jantina pekerja

Penganggur Kilat

SAYA adalah salah seorang penganggur 'kilat' akibat kegawatan ekonomi yang melanda negara termasuk syarikat agensi pelancongan. Sebagai seorang lelaki yang sudah berkeluarga dan sedar tanggungjawab yang difardukan atas setiap suami atau bapa terhadap isteri dan anak dari segi nafkah, menguatkan semangat saya untuk tidak berputus asa.

Setiap detik berharga. Saya tergolong dalam golongan kelas bawahan yang hanya mahir dalam bidang pelancongan. Peluang lain yang dapat saya lihat adalah kilang dan perkeranian.

Daripada apa yang saya perhati selama saya menjadi penganggur kilat ialah golongan lelaki kurang ditawarkan kerja dalam iklan, malah jawatan operator kilang pun hanya untuk 'wanita saja'.

Saya hairan kenapa ini berlaku kerana lelaki patut diberi lebih peluang kerja kerana tanggungjawab yang dipikul oleh lelaki sebagai pencari nafkah utama. Kenapa Kementerian Sumber Manusia tidak prihatin mengenai masalah ini. Malah, daripada kajian sains sosial masyarakat kita difahamkan satu daripada punca masalah sosial ialah kerana lebih ramai wanita bekerja.

Jika kita lihat kerja perkeranian atau setiausaha juga boleh dibuat oleh lelaki. Tetapi kenapa mesti ada perkataan 'wanita saja' dan apakah ini juga diskriminasi dan berat sebelah.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri menyuruh kita jangan memilih kerja dalam menghadapi kegawatan ekonomi yang sedang melanda. Bagi saya yang sudah biasa bekerja keras dan bersusah sejak mula menapak dalam kerjaya, saya sanggup lakukan apa kerja asal halal, biar tidak mewah asalkan anak dapat hidup sempurna.

Peluang diberikan kepada lebih ramai wanita bekerja bukanlah perkara baru. Malah di Barat sudah terlalu ketara. Kerajaan patut jadikan teladan dan lihat sendiri masalah yang timbul. Janganlah kita melaungkan secara buta hak wanita mengikut cara Barat saja. Akibatnya hak lelaki entah ke mana.

Bukankah lelaki itu juga manusia dan ada hak. Dari segi Islam dan hukum keluarga, lelaki itu wajib memberi nafkah manakala wanita perlu, tetapi tidak wajib. Begitu juga terhadap ibu bapa, lelaki tetap wajib membantu sama ada yang bujang atau sudah berkahwin manakala wanita tidak wajib apabila sudah berkahwin.

Jadi, walau apapun berlaku, lelaki sentiasa dibayangi tanggungjawab untuk menunaikan kewajipan mereka.

Sekali lagi saya merayu atas tanggungjawab sebagai seorang bapa, suami dan anak, kepada menteri dan timbalan menteri di Kementerian Sumber Manusia agar tiada lagi diskriminasi jantina dalam syarat kerja bagi lelaki atau perempuan.

Saya tidaklah mempersoalkan kemampuan wanita selama ini. Cuma dalam keadaan ekonomi yang gawat sekarang dengan ketara didapati lelaki lebih susah dapat kerja walaupun di kilang.